



akhbar MABASISWA

Yang dinamik, yang progresif

Universiti Pertanian Malaysia

Jilid 1 Bil.1

Mac 1990

17,000 PELAJAR MENJELANG RM6

Zain Ariff

UNIVERSITI Pertanian Malaysia bercadang akan menambah kira-kira 8000 penuntut lagi dalam pelbagai jurusan menjelang Rancangan Malaysia Keenam (RM6).

Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar) UPM, Profesor Dr. Sulaiman Haji Mohd. Yassin berkata, menjelang RM6 dijangka jumlah pelajar meningkat daripada 9,000 kepada 17,000.

Berucap di majlis perasmian hari ulang tahun pertama Kolej Kediaman Pendita Zaaba, beliau berkata, UPM sedang menyusun semula beberapa projek pembangunan dan pengurusan pentadbiran.

Katanya, daripada 17,000, kira-kira 5,000 pelajar akan ditempatkan di UPM Cawangan Bintulu, Sarawak, manakala 12,000 lagi akan kekal di Serdang.

Dengan ini, jumlah pelajar di Bintulu akan bertambah daripada 1,500 kepada 5,000 pelajar.

Profesor Dr. Sulaiman berkata, penambahan pelajar di Bintulu adalah disebabkan semua pelajar diploma termasuk perhutanan dan perniagaan tani kecuali perikanan akan dipindahkan ke sana.

Manakala kursus matrikulasi pula akan ditempatkan di salah sebuah daerah di Melaka mengikut cadangan yang dirangkaikan bersama Kementerian Pendidikan.

Ini bermakna, jurusan matrikulasi dan diploma tidak akan ditempatkan lagi di sini apabila pusat luar kampus dibuka seperti yang dirangkaikan.



Prof. Sulaiman

"UPM akan mengubahsuai kurikulumnya bagi membolehkan pelajar baru menampung kekosongan yang ditinggalkan oleh pelajar diploma dan matrikulasi," katanya.

Pihaknya juga bercadang menambah beberapa program baru serta memperbanyakkan mata pelajaran major dalam kurikulum baru yang akan disusun.

Tambahnya, program peringkat sarjana dan doktor falsafah akan meningkat sehingga 2000 orang pada RM6 ini.

Lebih \$7,000 wang pelajar dicuri

AWASI KAD BANK ANDA!

PENGARAH Bahagian Keselamatan UPM, Mejar (B) Sabtu Jasin mengingatkan pelajar sama ada di dalam atau luar kampus supaya menyimpan kad elektronik (bank) di tempat yang selamat.

Kalau perlu nombor pin kad itu hendaklah diasingkan bagi mengelakkan sebarang perkara yang tidak diingini berlaku.

Beliau berkata, pada tahun lalu sahaja beberapa pelajar yang kehilangan kad elektronik itu bersama nombor pin didapati wang simpanannya lesap dikeluarkan oleh pihak lain.


Sebagai contoh seorang pelajar di kolej kediaman terbabit mendapati wang simpanannya lesap sebanyak \$5,400 apabila kad juwaranya dipercaiyai hilang.

Terdapat juga kes lain di mana seorang pelajar juga di kolej kediaman, wang simpanannya habis sebanyak \$900 apabila kad gironya hilang.

Baru-baru ini, pihaknya menerima laporan seorang pelajar kehilangan kad juwara dan wang simpanannya diambil sedikit demi sedikit sehingga \$1000 sebelum dikesan kehilangannya.

"Selain daripada kehilangan kad elektronik, kes kecurian juga didapati berlaku di kolej kediaman terutama di bilik yang tidak berkunci," katanya.

Beliau menyeru para pelajar supaya sentiasa berhati-hati, lebih-lebih lagi semasa mengambil wang biasiswa dan setiap kes hendaklah dilaporkan dengan segera.



Pelajar-pelajar sewaktu menghadapi peperiksaan

as/M
1990
12

LAHIR PENUH MAKNA

Akhirnya AKHBAR MAHASISWA lahir juga hasil dari cita-cita, minat, keazaman dan kemahuan sekumpulan mahasiswa yang ingin menerokai bidang kewartawanan.

Setahun yang lalu, sekumpulan mahasiswa universiti ini mula menyertai Bengkel Penulisan Berita, kemudian diikuti oleh kursus kewartawanan pada penghujung tahun lalu. Di samping itu mereka juga telah mendengar ceramah dari para pengarang akhbar tempatan dan juga melawat ke kilang akhbar dan percetakan untuk melihat lebih dekat proses penghasilan akhbar. Kumpulan ini terus bertemu pada petang Rabu (waktu untuk kegiatan ko-kurikulum) bagi tujuan menambah pengetahuan di bidang kewartawanan. Kumpulan ini adalah ahli-ahli Kelab Akhbar Mahasiswa (KAM).

Akhbar Mahasiswa lahir di tangan para mahasiswa sendiri dengan bimbingan beberapa orang penasihat. Merekalah yang menulis berita dan merancang lay-outnya.

Sebagai usaha awal, akhbar ini tentulah banyak kekurangannya dan banyak aspek yang perlu diperbaiki. Insya-Allah dengan minat dan keazaman untuk terus maju di bidang kewartawanan ini, para penggerak Akhbar Mahasiswa akan terus berusaha memajukan diri dengan menam-

bah pengetahuan, meningkatkan kemahiran serta pengalaman.

Akhbar Mahasiswa diharapkan sebagai cetusan keinginan dan kemampuan mahasiswa universiti ini untuk meluaskan lagi aktiviti ke suatu bidang yang nyata kemanfaatannya, baik dari segi peningkatan/perluasan pengetahuan serta kemahiran, mahupun di segi perkembangan intelektual mahasiswa.

Akhbar Mahasiswa tidak akan lahir hanya dari keinginan dan usaha penggerakannya semata-mata, tanpa adanya pihak di belakang tabir. Dalam hal ini pihak Hal-Ehwal Pelajar, selaku Penerbit Akhbar Mahasiswa, khususnya Timbalan Naib Canselor (HEP), Prof. Dr. Sulaiman Yassin merupakan pendorong yang sentiasa memberi perangsang dan sokongan kepada usaha ini. Begitu juga sumbangan tenaga dari para penasihat KAM.

KAM yang mengendalikan Akhbar Mahasiswa ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak di kampus, yang telah memberi kerjasama kepada ahli-ahli KAM dalam usaha mendapatkan berita. Kerjasama yang berterusan kami pohonkan untuk menjayakan usaha penerbitan akhbar ini pada masa-masa akan datang.

PENGALAMAN AWAL JADI WARTAWAN



En. Nazri Abdullah, Pengarang Berita Harian (kiri) sewaktu berceramah kepada ahli KAM.

AHLI-AHLI Kelab Akhbar Mahasiswa telah 'keluar' mencari berita pada 7 Disember lalu. Kegiatan ini adalah sebahagian daripada keperluan Kursus Kewartawanan 1 yang berlangsung antara 4 hingga 8 Disember lalu di bilik VIP Kolej Tun Perak dan Kolej Pendita Za'ba.

Berbagai pengalaman baru yang menarik dan menyeronokkan telah dirasakan oleh wartawan-wartawan muda ini.

Seorang peserta yang ditemuramah secara tidak raami berkata, beliau walaupun terpaksa menunggu begitu lama untuk berjumpa dengan orang yang berkenaan semata-mata

untuk mendapatkan laporan, tetapi akhirnya diberi layanan baik malah dijemput untuk naik kereta bersama.

Hulaimi Harun, seorang peserta yang mengikuti Program Matrikulasi Sains, berkata, kerja mencari berita ini memang menyeronokkan tetapi penuh dengan cabaran.

Menurutnya, segala kesukaran yang dilaluinya merupakan detik permulaan sebagai seorang wartawan sebenar.

Walau bagaimanapun sebagai wartawan muda yang belum mahir, ada di antara mereka tidak berjaya mendapatkan berita kerana tidak memenuhi kehendak peraturan jabatan atau bahagian tertentu.

Zamarudin, seorang yang telah berpengalaman, apabila ditanya adakah Kelab Akhbar Mahasiswa UPM ini mempunyai potensi untuk maju, beliau memberitahu, jika semangat kekeluargaan dan kerjasama yang ditunjukkan sepanjang kursus ini dikekalkan,

kelab ini pasti akan mempunyai masa depan yang cerah untuk maju.

Cikgu Nayan Idris, pengerusi kelab, bertindak sebagai pemerhati dan memberi pertolongan kepada peserta sepanjang hari ini.



Ahli-ahli Kelab Akhbar mengikuti Kursus.

PENGUMUMAN

Akhbar Mahasiswa mempelawa para pelajar menyumbangkan berita atau rencana untuk disiarkan dalam akhbar ini. Sila kirim kepada Pengarang Akhbar Mahasiswa, Bah. Hal-Ehwal Pelajar UPM.

UNIT Kaunseling dan Kerjaya Hal-Ehwal Pelajar (HEP), telah menganjurkan seminar kaunseling dan kemanusiaan dengan fokus 'Potensi Diri' pada 9 dan 10 Disember lalu di Dewan Persidangan PPPL.

Seminar tersebut telah dirasmikan oleh Dato' Dr. Yusof Noor, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Manakala, Yg. Berbahagia Prof. Dr. Sulaiman Haji Mohd. Yassin telah menutup seminar tersebut.

Di antara objektif seminar ialah:

- * Mendedahkan para peserta kepada aspek-aspek kehidupan berasaskan pemikiran yang positif, agama dan cara gaya menghadapi cabaran.

SEMINAR KAUNSELING DAN KEMANUSIAAN

- * Memberi pengetahuan, kesedaran dan cuba berkongsi maklumat dan pengalaman di antara peserta mengenai konsep kemanusiaan dan kehidupan.

- * Memperkembangkan kepentingan kaunseling dan kemanusiaan di kalangan masyarakat yang mempunyai latar belakang sosial ekonomi dan agama berlainan.

Seminar selama dua hari itu menyentuh tentang manusia di

abad ke-21, konflik keluarga, keganasan dalam rumahtangga, kejemuan dalam pekerjaan dan beberapa aspek lain.

Sambutan yang diberikan amat menggalakkan hingga terdapat lebih daripada 400 orang yang memohon menyertai seminar ini, tetapi pihak penganjur hanya dapat menyediakan tempat untuk 250 orang sahaja.

Pihak penganjur ada menyediakan kertas kerja yang boleh dibeli dengan harga \$20 1 set, untuk mereka yang tidak

dapat menyertainya.

Tiga buah agensi swasta juga menayakan seminar itu dengan mengadakan beberapa pameran yang dibuka kepada umum.

Menurut seorang jurucakap penganjur, Encik Mansur Talib, sepatutnya lebih banyak forum-forum yang berbentuk akademik diadakan di universiti-universiti kerana sambutan yang diberikan oleh masyarakat dan pelajar sendiri makin memberangsangkan.

DR. GHIZAN, PENGETUA BARU KOLEJ KEDIAMAN KEEMPAT

DR. Ghizan Saleh, 31 telah dilantik sebagai Pengetua Kolej Kediaman Keempat menggantikan Dr. Hassan Mat pada 1 Disember 1989.

Beliau yang lahir dari keluarga guru di Segamat merupakan anak ketiga daripada lima orang adik-beradik.

Beliau kini bertugas sebagai pensyarah di Fakulti Pertanian dalam bidang pembiakan tanaman dan Genetik Kuantitatif.

Mendapat pendidikan awal di Segamat dan meneruskan pengajian Sekolah Menengah Sains Johor. Setelah itu me-

lanjutkan pelajaran ke UPM. Dalam tahun 1981 beliau telah bergraduasi dalam program Bachelor Sains Pertanian.

Beliau mendapat Ph.D di Amerika pada tahun 1986 dan terus berkhidmat di UPM.

Sepanjang pengajian di Universiti Pertanian Malaysia, beliau telah menerima empat pingat penghargaan iaitu pingat C Malcher (terbaik dalam Agronomi), pingat pensyarah-pensyarah Fakulti Pertanian (pelajar terbaik akademik), pingat A.I.M. (terbaik keselu-

ruhan Fakulti Pertanian) dan seterusnya pingat emas cancellor (pelajar terbaik keseluruhan Universiti Pertanian Malaysia) pada tahun 1981.

Menurut beliau, ciri-ciri pelajar cemerlang ialah mempunyai pencapaian akademik yang tinggi di samping aktif dalam aktiviti kokurikulum.

Mengenai majlis perwakilan pelajar, beliau berpendapat, sokongan majoriti masyarakat kampus adalah penting untuk memantap dan menentukan keberkesanan kepimpinan pe-

lajar.

Beliau berpendirian, seseorang pelajar mestilah mempunyai pandangan jauh dan mencuba sedaya upaya mencapai kecemerlangan dalam hidup dan tidak mudah kecewa.

Beliau berhasrat untuk melihat graduan universiti ini akan menjadi mahasiswa yang berjaya.

Daripada:

**Suhaimi Ahmad
dan
Hulaimi Harun**

FORUM AFGHANISTAN

Zamaruddin bin Beran

FORUM Malam Hubungan Antarabangsa yang bertajuk 'Afghanistan Di Bawah Cengkaman Imperialisme Antara Realiti Perjuangan Arah Dan Masa Depan Kini' telah diadakan di Dewan Makan Kolej Tun Perak pada malam 20 Januari yang lalu.

Ahli panel yang mengambil bahagian ialah Dr. Amanyar M.A. wakil Afghanistan Asia Tenggara dan Dr. Mohd. Nor Manuty, Naib Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Forum sempena Hari Siswi Keempat Kolej Tun Perak itu telah dapat menjelaskan keadaan sebenar negara Af-

ghanistan semenjak penaklukan Rusia sejak sebelas tahun yang lalu.

Dr. Amanyar berkata pada hari ini terdapat lebih 25,000 rakyat Afghanistan yang hidup menderita dan tidak tahu nasib mereka sama ada akan mati atau hidup.

Tambahnya, selama sebelas tahun perjuangan Mujahiddin Afghanistan menentang kuasa besar Rusia yang lengkap dengan senjata-senjata moden seperti bom nitrogen dan sebagainya, sebaliknya Mujahiddin yang berjuang tanpa peralatan yang lengkap tetapi berbekalkan kuasa iman dan kuasa Islam telah berjaya melum-



Kiri, Dr. Amanyar dan Dr. Mohd. Noor

puhkan semangat perjuangan tentera Rusia.

Wakil Afghanistan itu menyifatkan kerajaan Najibullah sebagai binatang yang hanya memikirkan kepentingan diri tanpa mempedulikan nasib rakyat Afghanistan.

Menurut Dr. Amanyar, pihak Mujahiddin sedar mereka akan kehilangan kebebasan yang mereka miliki dan agama Islam akan dipermainkan-

KPZ ANJUR PROJEK KAMPUNG ANGKAT DI BESUT

SERAMAI 39 orang mahasiswa/i yang terpilih dari Kolej Pendita Za'ba telah mengikuti Projek Khidmat Siswa Projek Kampung Angkat bertempat di Kampung Gaung dan Lubuk Kawah, Jerteh, Besut Terengganu.

Peserta-peserta diiringi oleh 3 orang penasihat daripada KPZ iaitu pengetua serta dua orang fellow asrama, seorang pegawai dan kakitangan HEP serta En. Awaluddin dan En. Osman, pegawai daripada Bahagian Ladang UPM.

Projek selama seminggu yang bermula pada 28 Jan. hingga 2 Feb. ini adalah anjuran Majlis Tertinggi Pelajar, Kolej Pendita Za'ba dengan kerjasama Bahagian Hal-Ehwal Pelajar UPM, Kementerian Pertanian dan Kerajaan Negeri Terengganu di bawah arahan Saudara Soria Ramli, Timbalan Presiden Majlis Tertinggi Pelajar, Kolej Pendita Za'ba.

Sejumlah hampir \$25,000 telah dibelanjakan bagi memampung projek yang meliputi aktiviti seperti Projek Pertanian, Bengkel Kemahiran Belajar dan aktiviti sosial bersama masyarakat setempat.

Objektif utama projek seumpama ini diadakan adalah bertujuan untuk:-

- * Melatih dan memberi pengalaman baru kepada mahasiswa/i agar mereka bersedia untuk menyumbang tenaga mencurah bakti kepada masyarakat luar bandar.
- * Mengenalpasti kaedah-kaedah, peluang dan aktiviti yang boleh digunakan untuk memajukan dan meningkatkan ekonomi masyarakat selaras dengan kehendak agama, bangsa dan negara.
- * Berusaha mewujudkan kesedaran di kalangan murid-murid sekolah tentang kepentingan pelajaran terhadap masa depan mereka, khususnya dalam dunia sains dan teknologi ini di samping membantu mereka dari segi kemahiran belajar.



Dato' Rashid Ngah, disambut oleh Jawatankuasa projek.

Secara amnya projek ini banyak menekankan kepada pembentukan sahsiah yang positif kepada peserta yang terlibat di dalam projek ini. Setiap peserta telah diberi beberapa kursus yang difikir penting seperti kursus fasilitator untuk Bengkel Kemahiran Belajar dan Kursus Pertanian sebagai persediaan kepada mereka untuk menghadapi dan menyalurkannya kepada masyarakat luar.

Peserta juga telah ditanamkan dengan sifat-sifat positif yang patut ada pada seorang mahasiswa serta pendedahan

kepada perkembangan politik, sosial dan semasa negara sebagai bekalan untuk dijelaskan kepada keluarga angkat serta masyarakat kelak. Secara tidak langsung peserta-peserta projek telah mendapat pendedahan awal dalam hal berinte-

raksi dengan wajar kepada masyarakat luar di samping mempunyai keyakinan serta sifat jayadiri yang perlu ada pada setiap mahasiswa.

Di antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program tersebut adalah seperti berikut:-

Tarikh	Pagi	Petang	Malam
AHAD 28.1.90	Ketibaan peserta	Suamesra dengan keluarga angkat.	Bengkel Kemahiran Belajar. (Aktiviti 1).
ISNIN 29.1.90	Majlis Perasmian dan penyerahan anak projek angkat secara rasmi.	Taklimat ringkas ketua penyelarasan projek.	Perasmian Bengkel Kemahiran Belajar.
SELASA 30.1.90	Pelancaran Projek Pertanian	Projek pertanian	Bengkel Kemahiran Belajar. (Aktiviti 2)
RABU 31.1.90	Projek Pertanian	Ceramah pertanian dan dialog bersama petani jaya dan Pengarah IADP Besut	Bengkel Kemahiran Belajar. (Aktiviti 3)
KHAMIS 1.2.90	Projek Pertanian	Ramah mesra dan cetusan rasa bersama penduduk setempat.	Bengkel Kemahiran Belajar. (Aktiviti akhir)
JUMAAT 2.2.90	Khidmat bakti masyarakat	Majlis Penutup	Bertolak balik ke UPM



Pengetua KPZ, Encik Ali bersama pelajar turun ke sawah.

PROJEK PERTANIAN

Projek pertanian yang dijalankan menelan belanja sejumlah \$10,000 melibatkan Kementerian Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang dan Projek Pembangunan Pertanian (IADP). Projek ini diketuai oleh Saudara Mohd. Ezani Abu Yazid salah seorang ketua sekretariat Majlis Tertinggi Pelajar Kolej Pendita Za'ba.

Para peserta telah diberikan beberapa kursus dan taklimat mengenai pertanian oleh Bahagian Ladang yang diketuai oleh Dr. Hassan Mad, Ketua Unit Buah Bahagian Ladang UPM.

Di antara objektif projek ini adalah untuk mendedahkan kepada mahasiswa/i keadaan sebenar kehidupan seorang

dari muka 4

petani di samping mengenal-pasti dengan lebih dekat lagi apakah masalah yang dihadapi oleh seorang petani seterusnya memberikan satu idea ke arah menyelesaikan permasalahan tersebut.

Di dalam projek ini mahasiswa/i didedahkan kepada 'berjemur dalam panas' dan 'berkubang dalam lumpur' yang mana ia adalah pengalaman baru yang sukar walaupun untuk di'bayangkan' ketika di bilik kuliah. Peristiwa 'berkejaran dengan pacat dan lintah' dan 'bertemankan cangkul di bawah pancaran terik matahari' sudah tentu sukar untuk dilupakan seterusnya menimbulkan satu keinsafan tentang jasa yang dicurahkan oleh pak tani kepada negara. Tentunya ini akan memberikan dorongan yang kuat kepada mahasiswa-i untuk terus berusaha mencari jalan membantu para tani ke arah kemajuan mereka.

Projek ini juga membabitkan penanaman benih pokok buah-buahan seluas tiga hektar di kawasan yang disediakan khas oleh penduduk kampung tersebut. Sebahagian daripada benih-benih ini ditanam sendiri oleh peserta yang terlibat. Sejumlah besar bekalan anak benih adalah sumbangan daripada Jabatan Pertanian di kawasan tersebut.

Di dalam ucapan perasmian En. Shamsuddin Awang, wakil Pegawai Daerah Besut menekankan tentang pentingnya dorongan daripada ibu bapa kepada anak mereka ke arah menjadi seorang petani yang berjaya dengan menggunakan teknologi yang serba baru yang sudah tentunya memberikan hasil yang berlipatganda daripada yang ada sekarang.

Tambah beliau, pengorbanan setiap individu adalah perlu untuk mencapai kejayaan. Sikap menerima perubahan dan tindakan positif menerima kaedah atau saluran baru daripada agensi kerajaan seperti IADP yang memberikan sumbangan besar terhadap kemajuan pertanian adalah amat perlu.

En. Ahmad Nazli, Pengarah Projek Pembangunan Pertanian Daerah (IADP), menyeru masyarakat tani agar dapat menanamkan anggapan bahawa usaha-usaha pertanian se-



ADUN Tuan Haji Daud Haji Abu Bakar, tiba untuk menutup projek.

bagai satu 'business'. Beliau mengambil contoh kepada petani-petani yang berjaya seperti negara Korea dan Barat yang pada awalnya hanya seorang peladang biasa sahaja. Untuk menjadi seorang petani bukanlah suatu perkara yang ganjil asal mereka sanggup mengeluarkan modal serta bergiat secara intensif serta mengikut sistem yang benar-benar berkesan.

BENKEL KEMAHIRAN BELAJAR

Bengel Kemahiran Belajar adalah antara aktiviti penting di dalam Projek Khidmat Siswa Kampung Angkat ini. Aktiviti ini diadakan di Sekolah Menengah Seri Nering, Besut, Terengganu. Ianya melibatkan seramai hampir 300 orang pelajar dari Sekolah Menengah Seri Nering sendiri serta daripada beberapa sekolah di dalam negeri Terengganu. Para fasilitator yang terlibat terdiri daripada peserta Projek Kampung Angkat sendiri.

Aktiviti ini diketuai oleh Saudara Shuhairi Sidek, Ketua Sekretariat Pendidikan Majlis Tertinggi Pelajar, Kolej Pendita Za'ba. Bengkel Kemahiran Belajar meliputi beberapa aktiviti atau teknik belajar yang terbukti berkesan dan menjadi amalan di kalangan pelajar yang cemerlang di dalam akademik mereka.

Para fasilitator yang terlibat

di dalam aktiviti telah menjalani beberapa kursus seperti Kursus Fasilitator yang dikendalikan oleh En. Ahmad Mohd. Isa dan Prof. Madya Dr. Salehan Siasis yang merupakan pakar dalam bidang tersebut. Di samping itu para fasilitator juga telah didedahkan kepada latihan amali seperti mengadakan Bengkel Kemahiran Belajar di Sekolah Menengah Seri Serdang sebelum projek dijalankan.

Daripada aktiviti yang dijalankan beberapa permasalahan telah dikenalpasti. Bengkel ini ternyata berkesan kepada kedua-dua pihak, para fasilitator dan murid dapat mempelajari dan mempraktikkan sesuatu yang baru yang memudahkan mereka dalam menjalani alam pembelajaran.

Pengetua Sekolah Menengah Seri Nering di dalam ucapan perasmian mera-kamkan rasa terima kasih beliau kepada UPM kerana memilih sekolah tersebut sebagai tempat diadakan Bengkel Kemahiran Belajar. Beliau berharap ianya akan memberikan kesan yang positif kepada para pelajar dan fasilitator. Apa yang beliau harapkan adalah pelajar-pelajar akan mendapat keputusan peperiksaan yang lebih baik dalam peperiksaan selepas mengikuti program ini.

Turut hadir di dalam majlis perasmian tersebut adalah Tuan Hj. Daud bin Hj. Abu Bakar, Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu, Kawasan

Hulu Besut.

AKTIVITI SOSIAL

Di antara aktiviti kemasyarakatan yang sempat dijalankan oleh para peserta adalah:—

- * Perbincangan dan ramah mesra bersama belia kawasan kampung Gaung dan Lubuk Kawah. — dijalankan secara tidak formal di Pantai Air Tawar, Kampung Raja, Jerneh, Besut.
- * Menghadiri Kuliah Maghrib dan Majlis Tahliil bersama masyarakat setempat.
- * Mengadakan gotongroyong membersihkan persekitaran surau.
- * Majlis ramah mesra dan cetusan rasa bersama keluarga angkat dan penduduk setempat.
- * Mengadakan aktiviti kekeluargaan bersama keluarga angkat di mana ketika ini peserta dibawa oleh keluarga angkat masing-masing ke tempat pilihan mereka untuk mendedahkan kepada peserta kepada persekitaran baru di samping bertukar idea sesama sendiri.

A. Shukor Salmo

FORUM KRISIS POTENSI SISWAZAH

FORUM bertajuk 'Krisis Potensi Siswazah Di Abad Ke-21' telah diadakan pada 16 Disember lalu di Dewan Kolej Pendita Za'ba.

Ahli-ahli panel yang mengambil bahagian dalam forum tersebut ialah Dato' Dr. Mohd. Yusof Hashim, Presiden Persatuan Alumni UPM yang juga Ketua Pengarah MARDI; Prof. Ir. Abang Abdullah Abang Ali, Presiden Persatuan Pegawai Akademik UPM; Cik Rosnah Majid, wartawan Utusan Melayu; dan Encik Ahmad Salimi Hj. Ismail, Unit Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan, Prof. Madya Dr. Abd. Hamid Mahmud telah mempengerusikan forum tersebut.


Dato' Dr. Hashim berpendapat, krisis pekerjaan bukanlah disebabkan peluang-peluang pekerjaan yang terhad, tetapi juga disebabkan sikap para pelajar.

Beliau berkata, pelajar-pelajar bersikap negatif dan tidak berusaha bersungguh-sungguh sewaktu menuntut.

Menurutnya, negara membangun memerlukan tenaga pekerja yang berilmu dan berkemahiran.

Katanya, meningkatnya pembangunan ekonomi akan meningkatkan keperluan tena-

Laporan Normala Alwi



Prof. Abang Abdullah

ga mahir dalam sektor ekonomi dan pembuatan.

Prof. Ir. Abang Abdullah pula meramalkan, Malaysia akan menjadi negara perindustrian tinggi di abad ke-21.

Oleh kerana aktiviti perindustrian akan turut melibatkan para akademik, maka universiti bertanggungjawab mengatasi krisis potensi siswazah dengan menghasilkan siswazah yang berkemahiran dan produktif.

Oleh itu, katanya, masa untuk pelajar berfoya-foya dan bersenang-senang telah tiada dan patut diganti dengan me-

manfaatkan masa menambah ilmu dan kemahiran dalam pelbagai bidang.

Sikap ini, tambahnya, perlu ada bagi menghasilkan tenaga siswazah yang berpotensi di abad ke-21.

Sementara itu wartawan akhbar, Cik Rosnah Majid mensifatkan siswazah hari ini bersikap terlalu negatif.

Akibatnya mereka tidak dapat memenuhi kehendak pasaran kerja, kata Cik Rosnah.

Menurut beliau, siswazah hari ini telah dapat berfikir dengan sendiri akibat cara belajar yang terikat dengan fakta-fakta di bilik kuliah.

Selain itu, katanya, keupayaan mereka dalam bidang-bidang yang diceburi kurang memuaskan.

Ini, tambahnya, akan menyebabkan kebolehan mereka tidak secekok dengan kehendak pasaran kerja terutama di sektor swasta.

Beliau memberi contoh bagaimana hendak menjadi wartawan, seseorang itu perlu berani, rajin, luas fikiran, pandai bergaul, kritikal dan dapat menguasai bahasa.

Cik Rosnah mencadangkan supaya dirancang kurikulum

yang lebih baik bagi memenuhi pasaran kerja di abad ke-21.

"Kita dapati kurikulum sekarang sudah ketinggalan masa dan tidak fleksibel di mana pelajar-pelajar tidak digalakkan berfikir sendiri dan syarahan-syarahan diberi satu hala sahaja," tegas Cik Rosnah lagi.

Beliau berpendapat, syarahan sepatutnya bersifat dua hala bagi menghasil fakta-fakta baru yang lebih bernas, sementara para pelajar pula patut digalakkan berhujah dengan para penerajunya.

Cik Rosnah juga berpendapat siswazah masa kini harus menggunakan logika melebihi emosi agar pendidikan kini akan lebih berkembang maju selaras dengan kehendak pasaran di abad ke-21.

Sementara itu Encik Salimi pula berkata, empat hingga lima peratus daripada golongan berusia 18 hingga 24 tahun adalah berpendidikan tinggi.

Katanya, kerajaan telah berusaha memperbanyakkan peluang-peluang belajar di institusi pendidikan tinggi kepada seluruh lapisan masyarakat.

Menurut beliau, kos yang ditanggung oleh kerajaan untuk membiayai pendidikan tinggi adalah besar.

FORUM BUDAYA - Ke arah mana Budaya Malaysia

PERSATUAN Mahasiswa Islam UPM telah menganjurkan satu forum Budaya bertajuk 'Ke arah mana budaya Malaysia' pada 16 Disember lalu jam 9.00 malam bertempat di Panggung Percubaan Dewan Besar UPM.

Forum tersebut dihadiri oleh orang ramai terutamanya mahasiswa dan mahasiswi di UPM.

Antara ahli panel yang hadir wakil dari Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia; Ustaz Yaakob Yusof, peneraj ITM dan En. Fuad Zarkasyi ahli akademik UPM.

Hamidon & Azlin Nizam

KURSUS LEBAH MADU KE-14

Kumpulan Penyelidikan dan Pembangunan Lebah Madu Malaysia (KPPLMM) yang terdiri dari MARDI, RISDA, RRI, UM, UPM dan Jabatan Pertanian telah menganjurkan kursus perlembahan berpusat di Fakulti Pertanian.

Kursus Perlembahan 'Lebah Madu' Ke-14 ini dirasmikan oleh Penolong Pendaftar Fakulti Pertanian, Encik Anuar Amat pada 4 Disember lalu. Kursus yang berlangsung selama lima hari itu berakhir pada 8 Disember.

Menurut Penyelaras Kursus En. Noor Azhar Zainal, kursus perlembahan ini bertujuan memberi pengetahuan dari segi teori dan praktikal serta latihan asas kepada penternak dan bakal penternak menggunakan teknologi moden.

Kursus ini mengutamakan

peserta wanita yang terdiri dari isteri dan anak-anak penternak 'lebah madu'.

Kursus yang diadakan sebanyak 2 kali setahun pada bulan Julai dan Disember, mengenakan yuran sebanyak \$400 yang meliputi kos pengangkutan, penginapan, makanan dan alatan. Ia juga dibiayai oleh sumber kewangan dari Kanada.

Kursus memulakan sesinya pada 8.00 pagi sehingga 5.00 petang, beroperasi di Stesen Lebah Madu UPM, Fakulti Pertanian, Ladang dan di Muar, Johor.

Peserta diberi peralatan seperti sarung muka, sarung tangan, haif, pengasap dan buntil (swan) untuk dibawa pulang bagi menjalankan projek menternak lebah madu.

En. Noor Azhar berharap, melalui kursus ini bilangan

penternak lebah madu akan bertambah kerana ini adalah salah satu kegiatan menambah pendapatan para petani.

Beliau juga berharap pihak swasta akan memainkan peranan yang penting dalam operasi menternak lebah madu secara besar-besaran.

Kursus ini disertakan oleh 21 orang peserta daripada agensi-agensi pertanian seperti FELDA dan FELCRA, pihak swasta dan orang perseorangan yang berminat.

Penceramah yang mengambil bahagian ialah Dr. Mahathir Mardan dalam bidang biologi dan lebah madu, En. Mansur Ismail dalam bidang ekonomi, Dr. Rohani Ibrahim dalam bidang 'perosak dan penyakit', En. Muhamad Muid dalam bidang koloni dan En. Noor Azhar Zainal dalam bidang penggunaan dan latihan.

APRESIASI SENI BLOK PINTAR

ZAMARUDDIN B. BERAN

Seramai 40 orang penghuni Blok Pintar Kolej Pendita Za'ba telah mengikuti perkhemahan Apresiasi Seni di pantai Teluk Kemang, Port Dickson pada 10 Februari yang lalu.

Apresiasi Seni merupakan salah satu aktiviti anjuran blok tersebut pada semester ini.

Pengarahnya Nik Amidi b. Nik Abdullah berkata, Apresiasi Seni boleh dimaksudkan sebagai menghargai seni yang tidak semestinya nyanyian, tarian, sajak, puisi tetapi meliputi segenap segi kehidupan.

Menurutnya lagi, objektif utama ia diadakan adalah untuk menerapkan nilai-nilai seni kepada penghuni Blok Pin-

tar di samping melatih diri seseorang menjadi lebih berani, tegas dan tidak malu berhadapan dengan orang ramai.

Manakala pengerusi blok tersebut Mustafa Kamal Ismail, berkata, dengan mengadakan nyanyian, sajak, lakonan seperti Apresiasi Seni boleh menghilangkan rasa bosan dan ketegangan fikiran ketika berada di kampus.

Setiap peserta yang mengikuti perkhemahan ini dikehendaki mengadakan satu persembahan yang berupa nyanyian, sajak, lakonan dan sebagainya asalkan tidak keterlaluan.

Salah seorang peserta, Rumaizi Shaari yang mendekla-



Persembahan kumpulan, mempamerkan bakat terpendam

masikan sajak yang bertajuk Let's No Say Good Bye berkata beliau berasa seronok mengikuti perkhemahan tersebut dan berharap akan ada lagi aktiviti yang seumpama ini di masa-masa akan datang.

Katanya lagi, selain dari berseronok aktiviti seperti ini

boleh membuat diri seseorang yakin kepada diri sendiri.

Turut sama terlibat dalam perkhemahan tersebut ialah Fellow Blok Pintar yang juga Penolong Pendaftar Unit Kaunseling Bahagian Hal-Ehwal Pelajar.

HASIL LADANG UPM LEBIH 1 JUTA

UNIVERSITI Pertanian memperoleh 1.2 hingga 1.4 juta ringgit setahun dari hasil Ladangsa.

Pendapatan ini adalah dari jualan hasil ladang yang mendapat sambutan orang ramai dari dalam dan luar UPM.

Menurut En. Yusof Ahmad, Pegawai Pertanian UPM, pihaknya kadang-kadang terpaksa menghentikan permintaan dari luar kerana permintaan dari dalam belum mencukupi.

Beliau memberitahu, hasil jualan ladang telah mendapat sambutan yang baik berbanding dengan buah-buah yang lain.

Sementara itu, katanya, jenis durian yang mendapat sambutan ialah D24 dan D2 manakala rambutan pula dari jenis R156 (Muar Gading).

Selain dari jualan hasil buahan ternakan, UPM juga memperoleh hasil yang memuaskan dari jualan anak-anak benih seperti anak pokok mangga, anak pokok rambutan dan anak pokok durian.

Hasil jualannya sentiasa stabil sepanjang tahun tetapi jumlahnya bertambah semasa ekspo konvokesyen, kata Encik Yusof.

Harga pasaran hasil ladang ditetapkan oleh pihak pema-



Ladang ternakan di Puchong

saran tetapi ia sentiasa berubah dari semasa ke semasa bergantung kepada keadaan. Sungguhpun begitu harga pasaran ini lebih murah berbanding dengan harga pasaran di luar UPM.

Hampir 20 peratus hasil ladang yang akan dipasarkan mengalami kerosakan.

Muhammad Zawawi
Hulaimi Harun

KURSUS UNTUK MENJADI FASILITATOR

Oh Saw Mei & Mazlah bt. Awang.

SERAMAI 45 orang pelajar Kolej Pendita Za'ba, telah mengikuti kursus Fasilitator yang dianjurkan oleh pihak Majlis Tertinggi Pelajar Kolej berkenaan dengan kerjasama bahagian Hal-Ehwal Pelajar UPM.

Kursus yang dijalankan pada 1 hingga 5 Disember 1989

itu merupakan persediaan untuk projek kampung angkat yang akan diadakan di Kampung Gaung, Besut, Terengganu pada 28 Januari hingga 2 Februari tahun depan.

Kursus yang merupakan bengkel teknik belajar ini telah dibimbing oleh Dr. Salihan Siais dari Fakulti Sains dan

Pengajian Alam Sekitar dan En. Ahmad Mohd. Isa dari Fakulti Pengajian Pendidikan.

Menurut Saudara Sorya Ramli, Pengerusi Projek Anak-anak Angkat, selepas ini, bengkel pertanian pula akan diadakan.

PENGHUNI KK5 TAWAN PUNCAK KINABALU

ZAMARUDDIN B. BERAN

SERAMAI 16 orang penghuni Kolej Kediaman Kelima telah berjaya mendaki Gunung Kinabalu pada 12 November tahun lalu.

Ekspedisi ini yang terdiri dari lapan peserta siswa dan lapan peserta siswi telah diketuai oleh Saudara Mohammad Zamri Ahmad, pelajar Bachelor Sains Pertanian tahun akhir.

Tujuan utama ekspedisi ini diadakan adalah untuk mendapatkan satu pengalaman baru di samping mengeratkan hubungan silaturahim di antara penduduk Sabah dan Semenanjung, khususnya Kolej Kediaman Kelima.

Perancangannya telah dijalankan selama empat bulan semenjak awal semester Julai sesi 89/90 dan telah dilaksanakan pada cuti antara semester yang lepas.

Perbelanjaan untuk ekspedisi ini telah ditampung oleh Syarikat Esso, sumbangan HEP, sumbangan kolej, wang peserta dan juga keuntungan dari gerai makanan semasa Pesta Konvo Ogos tahun lalu.

Selain dari itu mereka juga telah mendapat kerjasama dari Yayasan Sabah, Kem Tentera Lok Kawi, penduduk Kundasang dan Kinasaraban dan juga bekas pelajar-pelajar UPM di Sabah.

Selain mendaki Gunung Kinabalu, kumpulan seramai enam belas orang ini juga telah mengadakan projek anak angkat di Kundasang dan Kinasaraban iaitu kawasan yang berdekatan Gunung Kinabalu.

Oleh kerana kesibukan kuliah dan berbagai aktiviti lain, mereka tiada menjalani latihan asas-asas mendaki gunung. Mereka hanya berbekal semangat dan keyakinan diri sahaja.

Mereka telah bertolak dari UPM pada jam 8 malam 7 November 1989 ke Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dan berlepas ke Sabah pada jam 10.00 malam.

Disebabkan ketika tiba di Sabah hari hampir tengah malam, mereka telah bermalam di lapangan terbang.

Keesokan harinya mereka bertolak ke Yayasan Sabah



Riang dan megah semasa berada di puncak

dan menaiki lori tentera dari Kem Tentera Lok Kawi ke Ranau dan mengambil masa selama dua jam.

Sesampainya di Ranau, kumpulan ini kemudiannya bertolak ke Kundasang Kinasaraban di mana keluarga angkat mereka sedang sedia menunggu.

Sambutan yang diberikan oleh keluarga angkat mereka amatlah istimewa, meriah dan mesra dan diadakan dalam suasana yang gembira. Walaupun tiada acara rasmi diadakan.

Peserta 16 orang ini merasakan mereka mudah bergaul dengan orang-orang Dusun (orang Sabah) yang sememangnya bersifat ramah.

Mereka telah dipecahkan kepada dua kumpulan, kumpulan pertama seramai lapan orang telah bersama dua orang keluarga angkat di Kinasaraban dan selebihnya di Kundasang bersama empat keluarga angkat.

Selama empat hari bersama keluarga angkat, peserta telah mengikuti rutin hidup orang-orang Dusun yang pekerjaan utamanya bertanam sayur.

Mereka juga telah dibawa oleh keluarga angkat melawat di sekitar Kundasang dan Kinasaraban dan berbagai aktiviti lain telah mereka lakukan.

Kesempatan hidup bersama orang Sabah amat menyeronokkan bagi mereka, ditambahkan pula sifat orang-orang Sabah yang ramah, berbudi bahasa dan bersopan telah dapat menjalinkan satu

kemesraan yang erat.

Dari apa yang diketahui, orang Dusun di Kundasang dan Kinasaraban belum pernah menerima anak angkat dari Semenanjung selain dari mereka, peserta Ekspedisi Gunung Kinabalu.

Mereka amat gembira apabila mendapat anak angkat dari Semenanjung, oleh itu tidaklah dihairankan layanan yang diberikan kepada anak-anak angkat mereka demi untuk mengenali dan menjalin persaudaraan dengan orang Semenanjung.

Walaupun orang-orang Dusun ini bertanam sayur, pendapatan mereka sebulan adalah melebihi dari \$3000, kerana Kundasang dan Kinasaraban adalah tempat pengeluaran sayur terbesar di negeri Sabah.

Pagi 12 November bermulanya Ekspedisi Gunung Kinabalu.

Segala peralatan seperti baju tebal, makanan, lampu suluh, bekalan ubat dan keperluan-an-keperluan lain dibawa sama.

Dengan ditemani oleh beberapa orang dari ahli keluarga angkat peserta ekspedisi ini telah bergerak ke kaki Gunung Kinabalu pada awal pagi.

Lebih kurang jam 8.00 pagi mereka memulakan ekspedisi Gunung Kinabalu.

Bermula dengan perasaan gembira, gelak ketawa dan semangat yang berkobar-kobar untuk menawan Gunung Kinabalu.

Pendakian pada peringkat awal ini tidaklah begitu sukar,

mereka tidak menghadapi masalah yang berat sehingga menghalang perjalanan mereka.

Walaupun begitu mereka telah berhenti beberapa kali untuk melepaskan penat dan menikmati keindahan Gunung Kinabalu.

Setelah hampir separuh perjalanan iaitu pertengahan di antara puncak gunung dan kaki gunung mereka telah berhenti di satu kawasan yang dinamakan Panalaban.

Di sini mereka telah berehat agak lama, berehat sambil berbincang dan merancang pelbagai perkara yang harus dilakukan.

Terdapat juga peserta yang mengambil kesempatan ini untuk tidur.

Keesokan harinya jam 3.00 pagi barulah mereka menyanggub kembali pendakian yang terhenti.

Dalam pendakian ini mereka telah ditemani oleh dua orang pengawal keselamatan, seorang bertugas di hadapan untuk memandu arah perjalanan dan seorang lagi di belakang bagi memastikan kesemua peserta sampai ke kemuncak.

Mereka terpaksa menggunakan lampu suluh kerana keadaan persekitaran yang masih lagi gelap.

Dalam setiap langkah yang dilalui mereka cukup berhati-hati, kerana terdapatnya banyak kawasan-kawasan merbahaya dan cerun curam yang sukar dilihat kerana kegelapan malam.

Mana-mana kawasan yang difikirkan merbahaya mereka terpaksa menggunakan tali yang sememangnya telah disediakan di kawasan-kawasan yang tertentu.

Sebarang kesilapan sebolehnya mereka elakkan, dan kelaianan yang sedikit boleh mendatangkan kemalangan.

Sepanjang pendakian peserta yang bertenaga akan terus mendaki manakala yang kelelahan akan berhenti untuk seketika.

Disebabkan tiada latihan-latihan asas yang mereka jalani

8 SISWI KE PUNCAK GUNUNG KINABALU

Zain Ariff

BENDERA Universiti Pertanian Malaysia yang biasanya berdiri megah di hadapan bangunan hal-ehwal pelajar kini berkibar sayup di kemuncak Gunung Kinabalu.

Apa yang membanggakan dan sukar dipercayai ialah bendera itu dibawa oleh lapan srikandi UPM yang hanya berbekalkan semangat ketahanan dan kesabaran tanpa menjalani sebarang latihan fizikal.

Sekalung tahniah kepada mereka yang bukan sahaja mengharumkan nama UPM tetapi membuktikan bahawa kaum wanita berupaya bergerak cergas dalam lapangan yang berbahaya yang disertai oleh kaum lelaki.

Lapan wirawati itu adalah di antara 16 pelajar UPM yang mewakili Kolej Kediaman Kelima yang berjaya mendaki hingga ke puncak Gunung Kinabalu.

Ketua rombongannya, pelajar tahun akhir Bachelor Sains Perniagaan Tani, Mohd. Zamri Ahmad, 22, berkata sama-

ngat bekerjasama di antara satu sama lain adalah punca utama kejayaan ekspedisi ini.

"Walaupun ada yang tidak sanggup bertahan lagi tetapi dengan pertolongan dan dorongan rakan yang lain mereka berjaya juga meneruskan pendakian," katanya.

Beliau memuji pelajar wanita yang menunjukkan semangat yang kental bukan sahaja tidak menjalani latihan tetapi tidak mempunyai pengalaman mendaki gunung.

"Penat lelah kami mencari penaja dan berusaha dengan titik peluh sendiri untuk kegiatan ini akhirnya terbukti juga dengan kejayaan yang cemerlang.

"Tidak ada perkataan yang dapat digambarkan betapa gembiranya saya dan pelajar wanita lain apabila berada di puncak Gunung Kinabalu," kata Mimy Abdul Latip, 21.

"Saya seolah-olah tidak per-

caya dan seperti mimpi berdiri di puncak yang paling tinggi yang sudah lama saya idamkan," tambahnya.

Pelajar tahun 3, Bachelor Sains Pembangunan Manusia itu berkata, semangat tidak putus asa perlu ada pada seseorang sekiranya ingin mencapai sesuatu kejayaan yang sukar diperolehi.

Menurutnya, pengalaman dan kenangan tidak akan dilupakan hingga ke akhir hayat, apatah lagi berjaya membawa bendera UPM dan Kolej Kediaman Kelima ke puncak gunung yang paling tinggi di negara ini.

Pengetua Kolej Kelima, Dr. Sabdri Othman berkata, kejayaan anak buahnya adalah di luar dugaan kerana tidak berlatih bersungguh-sungguh khususnya selok-belok mendaki gunung.

Tetapi dengan berbekalkan semangat kesabaran yang ung-

gul dan saling bantu-membantu mereka berjaya melakukannya tanpa sebarang kecederaan ringan.

"Saya sering mengingatkan mereka bahawa jangan menganggap tidak mampu melakukan sesuatu yang sukar sebelum mencubanya," katanya.

Kegiatan masa cuti yang berfaedah seperti ini perlu diteruskan dari masa ke semasa bagi melengkapkan diri dengan pengalaman dan pengetahuan yang berguna sebelum keluar dari universiti ini.

Pelajar Diploma Pertanian, Amir Hamzah Haji Ahmad, 21, yang turut mendaki gunung pula berpendapat usaha ini perlu diteruskan lagi bukan sahaja pelajar universiti ini tetapi bergabung tenaga dengan pusat pengajian tinggi yang lain.

Dengan cara ini akan mengerat lagi hubungan yang baik di antara pelajar di samping bertukar ilmu dan pengalaman masing-masing.

dari muka 8

sebelum ini kebanyakan peserta terutamanya siswi kehabisan tenaga dan tidak berupaya untuk meneruskan pendakian.

Semakin hampir mereka di kemuncak semakin sejuk dirasakan dan semakin lemah semangat mereka yang benar-benar keletihan, tetapi sebaliknya ada yang semakin cepat bergerak.

Kesejukan yang tidak pernah mereka alami sebelum ini begitu menggigit kulit mereka.

Baju tebal yang dipakai terasa sekali begitu nipis.

Pada ketika inilah terdapatnya siswi yang sudah tidak berupaya untuk terus mendaki dan telah putus asa.

Namun kawan-kawan yang lain telah memberi mereka semangat dan perangsang untuk meneruskan pendakian.

Perangsang yang mereka perolehi seolah-olah merupakan satu tenaga baru yang berkeupayaan menggerakkan badan mereka untuk bersama-sama rakan yang lain.

Terdapat dua orang siswi yang terpaksa dipapah semasa mendaki.

Kata-kata semangat dilafazkan ketika sama-sama menda-

ki agar mereka berjaya sampai ke puncak.

Dalam pemikiran masing-masing hanya terlintas puncak Gunung Kinabalu dan semangat semakin bertambah apabila semakin menghampiri puncak.

Berkat kesabaran dan ketabahan mereka menghadapi berbagai rintangan dan cabaran akhirnya pada jam 6.15 pagi mereka berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu.

Kegembiraan dan kepuasan yang sukar digambarkan jelas kelihatan di wajah setiap peserta.

Segala impian mereka selama ini telah menjadi kenyataan.

Kepenatan dan kesejukan seolah-olah hilang dari tubuh mereka yang ketika dihangatkan oleh suasana gembira.

Pagi itu mereka merupakan orang yang berada di puncak tertinggi di Asia Tenggara.

Dalam keseronokan tidak lupa juga mereka mengambil gambar sebagai satu kenangan yang sukar dilupakan.

Nasib mereka dikatakan amat baik pada pagi tersebut kerana cuaca amat cerah, ca-

haya matahari terbit dapat dilihat dengan jelas menyinari bumi Sabah yang menghijau.

Bendera Kolej Kediaman Kelima dan UPM telah mereka kibarkan beramai-ramai sebagai tanda kejayaan mereka mendaki Gunung Kinabalu.

Selama setengah jam berada di puncak mereka kembali turun ke kaki gunung. Kesejukan tetap dirasakan, bagi yang mempunyai baju yang tebal dan tahan keadaan yang sejuk mereka berada lebih dari setengah jam.

Sebelum itu mereka sempat menulis nama masing-masing di dalam buku yang disediakan sebagai orang yang berjaya mendaki Gunung Kinabalu.

Dalam perjalanan turun mereka juga berhenti sebentar di Panalaban untuk berehat dan menyambung perjalanan pada hari yang sama.

Apabila sampai di kaki gunung ada juga keluarga angkat mereka sedang sedia menunggu dan pada itu mereka tidur bersama keluarga angkat.

Pada keesokan harinya merupakan hari terakhir bersama keluarga angkat kerana selepas itu mereka akan bertolak

ke Kota Kinabalu.

Walaupun sedih berpisah namun ikatan persaudaraan tetap akan berkekalan kerana masing-masing berjanji akan mengunjungi antara mereka pada masa-masa akan datang.

Mereka bertolak ke Kota Kinabalu dengan menaiki lori tentera yang telah membawa mereka ke Ranau.

Pada malam itu telah bermalam di rumah rakan-rakan mereka bekas pelajar UPM yang kini menetap di Sabah.

Peserta siswi telah bermalam di rumah Ahmad Ghazali bekas Exco Tertinggi KK5 dan siswa di rumah Abdul Syukur bekas Presiden Exco Tertinggi KK5 yang kini bekerja di UKM Sabah.

Esoknya 15 November adalah aktiviti bebas di mana setiap orang dibenarkan membuat sebarang rancangan tersendiri.

Seramai empat orang telah balik ke UPM pada hari tersebut dan tujuh orang pergi melawat negara Brunei Darussalam dan selebihnya tinggal bersama-sama rakan-rakan mereka di Sabah.

NASIHAT HAJI YAAKOB KEPADA PENGHUNI KK6

Oleh
Hassani Hassan

KOLEJ Kediaman Keenam telah mengadakan Malam Jamuan Keluarga Ke-III pada 10 Januari lalu di Dewan Seri Teratai.

Jamuan tersebut bertujuan untuk mengukuhkan semangat kekeluargaan dan kerjasama di antara sesama ahli kolej.

Di akhir jamuan tersebut, Pengetua Kolej Kediaman Keenam, Haji Yaakob Ibrahim, telah menyampaikan ucapannya yang berbentuk nasihat membina untuk ahli-ahli kolej.

Menurut beliau, terdapat

jurang yang wujud antara pelajar-pelajar Program Matrikulasi Sains dan Program Matrikulasi TESL di kolej ini.

Beliau berkata sedemikian berdasarkan pemerhatiannya, pelajar Matrikulasi TESL dengan tugas dan 'presentation'nya manakala pelajar Matrikulasi Sains dengan tutorial dan hal-halnya yang lain.

"Tiada rasa kekeluargaan wujud antara kedua-dua program ini, jika ada pun terlalu kecil bilangannya," katanya.

Sikap mementingkan diri sendiri dan menganggap orang lain tidak penting punca wujudnya jurang ini. Sebagai seorang daripada ahli kolej, haruslah setiap orang menganggap orang lain itu adalah se-

perti keluarganya dan sikap hormat-menghormati perlu diamalkan terutama dengan orang yang lebih tua daripada kita mahupun pekerja-pekerja kolej.

Kita seharusnya mengekalkan sopan-santun sebagai salah satu ciri-ciri orang timur," tegas Haji Yaakob.

Beliau juga menegaskan pentingnya sikap berjimat cermat, terutama setelah memperoleh biasiswa.

Beliau menyentuh tentang disiplin penghuni yang sering mencuri elektrik kerana perbuatan ini cukup merbahaya.

Beliau juga menegur sikap setengah penghuni yang tidak mengendahakan tentang kebersihan.

**KOLEJ
KELIMA
MAKIN
MATANG**

**Zamaruddin
bin Beran**

PRESIDEN Exco Tertinggi Kolej Kediaman Kelima Saudara Nazaruddin bin Haji Mohd. Yusof berkata, selama tiga belas tahun usia Kolej Kediaman Kelima, ianya telah banyak menunjukkan perubahan dari segi pembangunan dan kematangan penghuni telah dicapai.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Jamuan Perdana yang telah diadakan di Dewan Makan Kolej Kediaman Kelima pada malam 14 Februari yang lalu.

Menurutnya, penghuni Kolej Kediaman Kelima hidup dalam keadaan harmoni, hormat-menghormati, bertanggungjawab dan berdisiplin.

Katanya lagi, pencapaian akademik penghuni KK5 amat membanggakan dan ramai di antaranya mendapat status cemerlang.

Beliau mengambil contoh Saudari Muaiyah, pelajar Bachelor Sains Pembangunan Manusia yang menerima anugerah Diraja pada Konvokesyen yang lepas adalah penghuni KK5.

Saudara Nazaruddin juga berkata, sebagai seorang intelektual perlulah agresif, bersifat positif, berdikari, berkeyakinan diri untuk berjaya.

Katanya lagi, universiti adalah tempat bagi mahasiswa mengasuh bakat kepimpinan, melahirkan idea yang bernas dan mengadakan aktiviti-aktiviti yang sihat fizikal dan mental dan juga menunjukkan kematangan dan kecemerlangan.

Kolej Kediaman Kelima telah banyak mengadakan aktiviti demi menaikkan nama kolej dan universiti di antaranya yang telah dijalankan pada sesi ialah Ekspedisi Gunung Kinabalu, Hari Terbuka Kolej, Menerima lawatan Desa Siswa Bakti USM dan juga pidato agama inter-kolej.

HALIM BANDAN, YANG DIPERTUA PMSUPM BARU

Saudara Halim Bandan telah dilantik sebagai Yang Dipertua Perwakilan Mahasiswa Sabah UPM (PMSUPM) setelah mengalahkan Saudara Mohd. Taufik dengan Majoriti 23 undi. Pengundian ini telah dibuat dalam mesyuarat agung tahun PMSUPM sesi 1989/90 bertempat di Dewan Kuliah Perikanan.

Mereka yang turut terpilih ialah Naib Yang Dipertua: Mustafa Osman, Bendahari: Juhilin L. Takun, Ahli-ahli Ja-

watankuasa Rahim Awang, Chong Wing, Abd. Ghani Md. Ali, Mat Noor Sima, Francisca John, Siti Salmiah Haji Sanie, Daud Hamzah, Romanus Joannes dan Rahimah Ahmad.

Seramai 96 orang ahli PMSUPM telah hadir Prof. Madya Dr. Yahya Mat Hassan Penasihat PMSUPM. Pegawai Perhubungan Negeri Kn (K.L.) dan pegawai dari Yayasan Sabah, Cawangan Kuala Lumpur.

MALAM PERSEMBAHAN KELUARGA KK-3

Hassani Hassan

PADA 20 Januari yang lalu, Kolej Kediaman Ke-3 telah mengadakan Malam Persembahan Keluarganya di Dewan Makan Kolej tersebut. Malam Persembahan itu diadakan sempena Hari Kolej Kediaman Ke-3 yang bertemakan 'Satu Ikatan Kukuh Jalinan'.

Antara acara-acara menarik adalah persembahan nyanyian oleh kumpulan-kumpulan dan perseorangan, tarian lilin dan

tarian India, persembahan koir dan deklamasi sajak.

Pengerusi Jawatankuasa Kolej turut menyanyikan sebuah lagu khas untuk penghuni kolejnya.

Walaupun terdapat sedikit kerosakan teknikal di akhir rancangan, malam persembahan itu mendapat sambutan hangat dan dihadiri oleh ramai penonton termasuk dari Kolej Kediaman Ke-3.

KEGIATAN HARI SISWI KTP

Zamaruddin b Beran

SEMPENA Hari Siswi Keempat, Kolej Tun Perak telah mengadakan berbagai acara pertandingan seperti andaman, gubahan, masakan dan permainan dalam.

Dalam pertandingan andaman ia telah dimenangi oleh Siti Salmiah Hj. Samaie dan Salmiah Mashie dari Kolej Tun Perak.

Manakala Puan Modrikah binti Hj. Hassan dari Taman Sri Serdang telah memenangi tempat pertama dalam pertandingan masakan dengan masakan yang dinamakan kuih keladi dan Cik Rokiah Buyung mendapat tempat kedua dengan masakannya 'Kuih Kacau Keledek'.

Pada petang 4 Januari telah diadakan acara sukaneka antara siswi-siswi kolej Tun Perak di Padang Wembley berhampiran dengan Pusat Kesihatan.

Pada hari sebelumnya seramai empat puluh orang siswasiswi Kolej Tun Perak telah mengadakan acara berjogging bersama fellow-fellow ke Bukit Ekspo.

PERSEMBAHAN TRADISIONAL MASIH DAPAT SAMBUTAN

Zain Ariff

PERSEMBAHAN tablo, puisi, taridra dan teater sering dianjurkan oleh badan budaya dan persatuan di Institusi Pengajian Tinggi.

Sukar sekali kita melihat pada masa kini, persembahan unsur tradisional dipentaskan di hadapan penonton, malah sambutan amat dingin jika diadakan juga.

Tetapi pelajar Semester Dua Bachelour Pendidikan Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama (PBMP) berjaya membuktikan bahawa anggapan itu salah sama sekali, malah sebaliknya mendapat sambutan di luar dugaan.

Mereka berjaya menghidupkan semula unsur tradisional yang sekian lama dilupakan oleh masyarakat zaman ini yang lebih tertumpu kepada media elektronik dan moden.

Sempena Hari Fakulti Pengajian Pendidikan, pelajar terbabit telah mempersembah-



Salah satu persembahan yang telah dipentaskan oleh pelajar PBMP

kan "jenaka bangsawan" bertajuk 'Puteri Si Mata Harimau'. Kumpulan ini juga menerima persembahan terbaik di antara enam program yang lain.

Penulis skrip dan pengarahnya, Abdul Halim Bandan bijak menyelitkan unsur lucu tentang telatah pelajar dan pensyarah semasa di kampus.

Puteri Si Mata Harimau adalah cerita sastera rakyat yang mengisahkan bagaimana seorang bomoh berjaya mengubat anak raja itu daripada

sakit.

Kejayaan bomoh itu menimbulkan kemarahan panglima yang sudah lama ingin memperisterikan Puteri Si Mata Harimau itu.

Akhirnya tok bomoh dapat berkahwin dengan puteri itu kerana berjaya memenuhi syarat yang ditetapkan oleh sultan termasuk mengubatya dengan menggunakan bahasa Ingeris.

Keupayaan Raja Baharuddin Raja Harun yang memba-wa watak sultan dan telatah

tok bomoh oleh Idris Ahmad sangat berkesan dengan dialog yang biasa tetapi melucukan..

Pelakon lain seperti hulubalang, puteri, panglima, dayang dan kadam berjaya menghidupkan watak masing-masing walaupun peranan mereka kecil.

Amat wajar pihak terbabit menyelitkan cerita-cerita sastera rakyat apabila mengadakan malam persembahan semoga ianya tetap kekal walaupun terpaksa bersaing dengan media elektronik.

PALING BERSIH

KOLEJ Kediaman Keenam atau dikenali sebagai Kolej Dusun merupakan salah sebuah kolej yang mempunyai identitinya tersendiri di kampus hijau ini, di mana ia mempunyai daya tarikan serta keunikan.

Kolej yang dihuni oleh sebilangan besar pelajar Matrikulasi Sains Tahun I dan sebilangan kecilnya pelajar-pelajar Bachelor serta diploma adalah di bawah naungan Tuan Pengetua, Encik Yacob b. Ibrahim.

Memang tidak dapat dinafikan bagi kedudukannya yang tersorok sedikit berbanding dengan kolej-kolej lain di kampus hijau ini membuatkan publisitinya kurang. Tetapi ini bukanlah suatu ukuran kepada penghuninya, malah diharap-

kan ia merupakan suatu rahmat kepada penghuninya, kerana tujuan asal kedatangan kita ke sini adalah untuk menimba ilmu. Maka dengan keadaan yang bebas dari gangguan bunyi kenderaan yang melalui jalan utama kampus hijau ini memberikan ketenangan mental kepada penghuninya.

Apabila saya dan rakan-rakan melawat ke kolej ini, kami bagaikan merasa kemudahan tempat permainan tiada di kolej ini. Tetapi sangkaan kami merosot sekali apabila tinjauan yang dibuat lebih dekat lagi, kami bagaikan tidak percaya bahawa terdapat kemudahan-kemudahan itu yang lebih lengkap dari setengah-setengah kolej lain dari terletak di tempat-tempat yang strategik. Malah ia memudahkan penghuninya untuk turun bermain serta membuat latihan.

Dari awal-awal lagi, kami sudah terpegun dengan keadaan persekitarannya yang indah serta bersih. Malah tidak hairanlah jika kolej ini berupaya

memenangi gelaran kolej terbersih di kampus hijau dan memenangi piala pusingan Dr. Yahya pada semester Julai lepas.

Hiasan taman-taman mininya yang begitu indah membuatkan setiap pengunjung akan tertarik dan ingin meninjau lebih jauh lagi ke kawasan sekeliling kolej ini.

Bentuk bangunannya yang unik serta tersergam indah di kawasan tanah tinggi yang telah diratakan menyedapkan lagi mata memandang.

Tidak kurang juga, pemandangan kolej ini dari jarak sederhana jauh amat menarik kerana letak bangunan-bangunannya dapat menghasilkan suatu keadaan yang unggul serta unik berbanding dengan kolej-kolej lain. Apa yang lebih penting lagi ia berlatar belakang keindahan tumbuhan hijau termasuk pokok buah-buahan di tanah tinggi yang seakan bukit, dan aman sekali sempena namanya iaitu Kolej Dusun.

PELAJAR USM LAWAT KK-5

Zamaruddin bin Beran

SERAMAI 40 orang pelajar Desa Siswa Bakti dari Universiti Sains Malaysia telah mengadakan lawatan ke Kolej Kediaman Kelima pada 21 Januari yang lalu.

Objektif utama lawatan itu ialah untuk mengenali UPM dengan lebih mendalam di samping dapat bertukar-tukar fikiran dan menjalinkan hubungan silaturahim di antara USM dan UPM khususnya Kolej Kediaman Kelima.

Para pelajar dari USM ini telah dibawa melawat sekitar ladang UPM dan juga ke beberapa unit yang terdapat di UPM.

Seramai lima orang penghuni KK-5 telah terpilih untuk menerima anugerah khas kolej kediaman semasa Jamuan Perdana bersama Encik Anwar Ibrahim pada 14 Februari yang lalu.

Pemilihan mereka adalah berdasarkan beberapa kriteria-kriteria tertentu seperti kepimpinan, budi pekerti dan juga penglibatan aktif semasa di kolej.

Saudara Mohd. Nazaruddin Haji Mohd. Yusof telah dipilih menerima Anugerah Tokoh Kepimpinan, merupakan seorang pelajar Bachelo Sains Komputer yang berperibadian anggun.

Beliau adalah Presiden Majlis Exco Tertinggi KK-5, pernah menyertai berbagai seminar yang diadakan di peringkat kolej, universiti, inter-universiti juga merupakan seorang pemidato dan ahli debat yang berbakat.

Saudara Omar Baki Zainal Abidin telah terpilih menerima Anugerah Pemimpin Ha-

PENERIMA ANUGERAH KK-5



Omar Baki menerima hadiah dari Encik Anwar. Turut memerhati ialah Dr. Sabri, Pengetua KK 5

rapan, adalah pelajar Bachelo Sains Pertanian merupakan Exco Tertinggi Kolej Kediaman Kelima.

Beliau juga ahli Jawatankuasa Silat Lincah, merupakan seorang pelajar yang cerdas pernah menuntut di Kampus Bintulu dalam program Diploma Sains Pertanian.

Saudara Khoidari bin Mohamed pelajar Diploma Pertanian tahun akhir telah menerima Anugerah Khas Kolej Kediaman juga merupakan Ketua Biro Makanan KK-5.

Beliau menjadi komite Kelab Rekreasi dan juga ketua pasukan tarik tali KK-5.

Sementara itu Saudari Ram-

lah Mohamad Zain pula telah dipilih menerima Anugerah Pekerti Terpilih. Beliau adalah Exco Tertinggi Kolej Kediaman.

Beliau pernah beberapa kali menjadi pemidato terbaik dalam beberapa pertandingan dan juga meminati penulisan lirik lagu.

Lirik ciptaan beliau 'Tanah-airku Malaysia' telah memenangi tempat kedua pada tahun 86 dan tempat pertama dengan lirik lagu Buah-buahan Malaysia pada tahun 89 dalam pertandingan anjuran RTM.

Pow Kaw Wah pelajar Bachelo Pertanian tahun dua telah menerima Anugerah Kece-merlangan Akademik.

Beliau adalah seorang perenang, pemain catur dan juga meminati lumba basikal.

Anugerah-anugerah ini telah disampaikan oleh Encik Anwar Ibrahim.

Zamaruddin bin Beran

SAHLI SUKARMAN, TOKOH PIDATO UPM

Wawancara dengan tokoh pidato UPM.

Sahli Sukarman.

WAS: Saya difahamkan saudara telah memenangi pertandingan pidato antara Universiti 1989 yang telah berlangsung di Asrama Kinabalu, Universiti Malaya baru-baru ini. Adakah ia benar?

Sahli: Ya, tapi bukanlah johan hanya sekadar naib johan. Tapi saya rasa terkilan juga kerana tak dapat mencapai cita-cita saya untuk menjadi johan. Tapi saya tetap bersyukur kepada Allah memberikan kemenangan ini. Mungkin ada rahsia di sebalik itu.

WAS: Boleh saudara ceritakan sedikit tentang penglibatan saudara dalam bidang ini?

Sahli: Sebenarnya bakat saya, sudah saya pupuk dari kecil lagi. Semasa di sekolah dulu saya sering menyertai pertandingan bahas dan pidato di peringkat sekolah dan banyak kali juga sekolah saya menjadi juara. Oleh itu buat apalah setelah dipupuk hendak saya lepaskan. Lagipun saya suka berbakti kepada universiti. Saya ingin meninggi-

kan nama universiti kita ini kepada universiti lain dan orang luar melalui kejayaan yang dicapai.

WAS: Selain daripada kemenangan menjadi naib johan antara universiti adakah lagi kejayaan-kejayaan lain?

Sahli: Sebenarnya saya sudah banyak kali mewakili universiti dan kolej dalam acara pidato ini. Antaranya 2 kali mewakili universiti salah satunya yang telah saudara sebutkan tadi dan satu lagi ialah pada tahun 1987 dan saya hanya mampu di tempat 3. Pada tahun itu juga dan berikutnya saya telah mewakili kolej kediaman saya iaitu Kolej 6 ke pertandingan Pidato Piala Rahim Kajai di UKM bagi acara jemputan peringkat UKM. Kedua-duanya menjadi johan.

WAS: Selain daripada pidato apakah pertandingan lain yang pernah anda sertai?

Sahli: Selain daripada pidato saya juga telah mewakili kolej ke pertandingan bahas pada tahun 1985 dan mendapat tempat 3 dan pada 1986 menjadi johan.

WAS: Kerana saudara pan-

dai berbicara, mesti saudara mempunyai banyak jawatan di dalam kolej saudara serta fakulti?

Sahli: Kalau hendak dikatakan rasanya banyak tapi biarlah saya berikan jawatan-jawatan yang agak penting sahaja. Contohnya saya menjadi Presiden Kolej Kediaman Ke-6 pada sesi 1987 dan 1988, pada masa itu juga saya menyanggah jawatan seperti Setiausaha Agung Kelab Elektronik Komputer. Pada tahun ini saya memegang jawatan Ex-Officio bagi kolej saya serta menjadi Setiausaha Perhubungan Persatuan Mahasiswa Kejuruteraan Sesi 1990.

WAS: Saudara semestinya seorang yang aktif dalam seminar dan kursus. Boleh jelaskan sedikit?

Sahli: Banyak juga tapi antara seminar yang agak penting ialah Seminar Kejuruteraan Kebangsaan Graduan 1 Elektronik dan Mekanikal pada tahun 1989 yang diadakan di PPPL UPM, dan pada tahun ini saya telah mengikut seminar simposium peringkat kebangsaan jurutera elektro-



Sahli Sukarman

nik di UTM.

WAS: Apakah anugerah selain daripada acara pidato yang telah saudara terima?

Sahli: Yang paling tidak dapat saya lupakan ialah Anugerah Pemimpin Harapan bagi kolej saya pada tahun 11986.

WAS: Kenapa begitu?

Sahli: Penghuni kolej saya pada masa itu terlalu berbesar harapan terhadap saya. Sedangkan banyak lagi kawan-kawan saya yang tak kurang hebatnya.

WAS: Apa pula saranan saudara kepada pelajar-pelajar kita terhadap bidang pidato?

ke muka 13

BANGUNAN Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP) dan kolam renang adalah di antara tujuh projek pembangunan yang dijalankan oleh Universiti Pertanian Malaysia pada tahun ini dengan menelan belanja kira-kira \$15 juta.

Timbalan Naib Cancellor (Pembangunan) UPM, Profesor Madya Dr. Mohd. Khalid Md. Nor berkata, kebanyakan projek pembangunan itu adalah dalam Rancangan Malaysia Kelima yang diteruskan hingga tahun ini.

Bangunan Fakulti Pendidikan Fakulti Pengajian (FPP) yang menelan belanja hampir \$5.6 juta dijangka siap September depan dilengkapi dengan gimnasium, makmal bahasa dan beberapa pusat sumber serta bilik kuliah.

Manakala berhampiran dengan bangunan FPP pula akan dibina sebuah kolam renang berharga \$2 juta sepanjang 50 meter untuk kegunaan pelajar

FPP DAN KOLEJ KE-10 AKAN DIBINA

program pendidikan jasmani dan perikanan.

Tambahnya lagi, UPM juga sudah membina sebuah Pusat Oseanografi dan Marikultur di Port Dickson bernilai \$1.5 juta sebagai tempat untuk menjalankan penyelidikan di bidang sains.

Bangunan Matematik dan Sains Komputer yang dijangka siap Julai depan dan boleh digunakan menelan belanja kira-kira \$2.1 juta. Selain membina bangunan baru di UPM, sebuah asrama hampir siap di Kuala Terengganu untuk dijadikan sebagai Pusat Perikanan dan Sains Samudera dengan belanja \$1 juta.

Profesor Madya Dr. Mohd. Khalid berkata, UPM juga me-

rancang menambah dua lagi bangunan baru iaitu bangunan teknologi biji benih berharga 42 juta.

Bagi menampung jumlah pelajar yang semakin bertambah, pihaknya bercadang mendirikan sebuah kolej kediaman, iaitu Kolej Kediaman Kesepuluh yang boleh menampung kira-kira 750 pelajar dan tempatnya sama ada berdekatan sesen minyak Petronas atau berhampiran Kolej Kediaman Zaaba.

Menurutnya lagi, UPM dengan kerjasama kerajaan negeri Melaka dan Kementerian Pendidikan merancang membina cawangan baru di Melaka untuk program matrikulasi.

Kawasan yang dikenalpasti



Dr. Khalid

ialah Masjid Tanah dan adalah dijangkakan apabila siap semua program matrikulasi di sini akan dipindahkan ke Melaka.

Zain Ariff

SARAWAK AKAN PERKENALKAN SIMENFERO KEPADA RAKYATNYA



Abang Haji Abdul Rahman Johari

KERAJAAN Sarawak berminta menggunakan bahan binaan simenfero yang dihasilkan oleh Fakulti Kejuruteraan universiti ini untuk menjalankan projek pembangunan sosio ekonomi dan kemudahan asas di luar bandar negeri itu.

Menteri Pembangunan Dan Perindustrian Sarawak, Abang Haji Abdul Rahman Johari Tun Abang Haji Openg berkata, usaha ini akan diteruskan sekiranya teknologi baru itu boleh menjimatkan kos pembinaan.

Simenfero adalah teknologi baru yang dihasilkan oleh fakulti terbabit ialah bahan

binaan yang dibuat dari simen dan keluli dengan kos yang paling rendah dan sesuai untuk golongan yang berpendapatan rendah.

Pihaknya percaya projek ini akan mendatangkan hasil terutama kepada masyarakat luar bandar yang benar-benar memerlukan bahan binaan yang murah untuk menyediakan kemudahan asas.

"Saya akan memilih sebuah tempat untuk dijadikan kampung angkat untuk menjayakan usaha ini," katanya di perasmian Seminar Kebangsaan Simenfero Untuk Pembangunan Negara anjuran Fakulti Kejuruteraan UPM di PPPL.

Kementeriannya akan menumpukan lebih perhatian di kawasan luar bandar kerana banyak penempatan penduduk di situ berselerak dan kedudukannya jauh di antara satu sama lain.

Oleh itu bagi mengurangkan kos pembinaan dan pengangkutan adalah lebih baik memilih bahan yang murah dan tahan yang bersesuaian de-

ngan keadaan tempat.

Katanya, untuk memastikan projek ini berjaya, kementeriannya bersetuju membiayai kursus latihan teknologi simenfero yang membabitkan seramai 30 peserta yang akan diadakan Februari tahun ini di Kucing.

MALAM PIDATO PERDANA

Unit Pendidikan Persatuan Pelajar Matrik (Masa) telah menganjurkan Malam Pidato Perdana bertempat di Dewan Sri Teratai, Kolej Kediaman Ke-6. Penceramah jemputan pada malam itu ialah Megat Ramli Megat Adnan, Pengarah Pusat Matrikulasi UIA dan beliau menyampaikan ceramah bertajuk "Pembinaan Peribadi dan Keintelektual Pelajar Matrik".

Berucap dalam ceramah tersebut Encik Megat Ramli menjelaskan tentang Pengarah Pendidikan Barat atau lebih dikenali sebagai sekularisme di dalam masyarakat Malaysia.

Menurut beliau, lima ciri-

Beliau akan menubuhkan satu jawatankuasa peringkat negerinya bagi memudahkan maklumat tentang simenfero disampaikan kepada orang ramai.

Pihaknya akan menyokong penuh setiap teknologi baru yang boleh memberi faedah untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar.

ciri salsiah yang menjadi penganan ramai orang di masa ini iaitu liberalis, Muslim, materials, sekular dan permertalis.

Sementara itu beliau menyeru para pelajar matrik supaya menilai salsiah yang sepatutnya mereka ikuti, kerana menurut beliau akhlaklah yang bakal menentukan jatuhan banggunya sesebuah masyarakat.

Majlis yang berlangsung selama dua jam ini dihadiri oleh lebih kurang 150 orang pelajar matrik dan turut hadir ialah Encik Mahathir Mohamad, tenaga pengajar dari Pusat Matrikulasi Sains UPM.

NASIHAT TNC KEPADA SISWI

**Zamaruddin
bin Beran**

Prof. Dr. Sulaiman Hj. Mohamad Yassin berkata, setiap penghuni kolej kediaman hendaklah memberikan sokongan kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk kebaikan bersama.

Berucap ketika merasmikan Hari Siswi Keempat Kolej Tun Perak, beliau menegaskan, kolej kediaman adalah tempat untuk siswa-siswi belajar bergaul dalam suatu masyarakat yang kecil.

Beliau menegur segelintir penghuni kolej kediaman yang hanya mendiamkan diri dari mengetahui hal-ehwal kolej dan memencilkan diri dari arus perjuangan kampus.

Menyentuh Hari Siswi, Timbalan Naib Canselor berasa bangga di atas kejayaan jawatankuasa Hari Siswi yang mengadakan berbagai-bagai program yang menarik dan berfaedah.

Namun begitu, beliau berasa kesal kerana terdapatnya kumpulan siswi kolej Tun Perak yang enggan bekerjasama dalam menjayakan program tersebut tetapi sebaliknya mempersoalkan tentang pengorbanan yang harus mereka lakukan.

Katanya lagi, golongan ini seharusnya bertanya diri mereka sendiri bagaimanakah mereka boleh berada di kolej kediaman dan apakah sumbangan mereka terhadap kolej dan universiti.

Tambahnya lagi, penghuni kolej kediaman seharusnya sanggup berkorban wang, tenaga dan masa untuk menjayakan apa juga program yang dijalankan serta menunjukkan persefahaman yang kuat dan mewujudkan semangat kerjasama dalam suatu masyarakat kecil.

Prof. Dr. Sulaiman juga menekan betapa pentingnya nilai-nilai progresif ditanam di setiap sanubari siswa-siswi dalam membentuk peribadi yang berhemah tinggi dan mampu-

nyai sifat-sifat kejujuran, kerjasama kebersihan, kasih sayang dan sebagainya.

Menurut TNC, sejak tiga atau empat tahun yang lalu nasib para graduan bukan lagi di sektor awam tetapi adalah di bidang perniagaan dan sektor swasta.

Katanya lagi peluang siswazah pada hari ini tidak terhad di dalam negeri sahaja tetapi melibatkan negara-negara di dunia khususnya di Asia Tenggara.

Sementara itu dalam kata-kata aluan di dalam buku cenderamata sambutan, TNC percaya para mahasiswi mengambil tempat dan peranan yang sama dengan golongan mahasiswa dalam usaha memajukan diri dan bekerja memenuhi tuntutan pencarian ilmu yang lebih gigih.

Oleh itu, semangat daya saing yang tinggi, cekal dan memahami aspek-aspek penilaian ilmu, kepentingan pembentukan keperibadian yang luhur dan mencari kesaksamaan dalam peningkatan prestasi



Profesor Dr. Sulaiman

diri amat penting.

Pada pagi 4 Januari yang lalu bertempat di hadapan Bangunan Fakulti Teknologi Makanan dan Bioteknologi telah diadakan acara larian road relay di antara pelajar-pelajar fakulti teknologi makanan dan bioteknologi dengan dekan fakulti.

Tujuan ianya diadakan adalah untuk menjalinkan hubungan yang erat di antara dekan dan para pelajar.

Antara acara-acara lain yang diadakan ialah pertandingan melukis, teh tarik, masak maggi dan meneka biji betik.

SIMENFERO TERUS DIKEMBANGKAN

PUSAT Penerangan Simenfero Antarabangsa yang berpusat di Institut Teknologi Asia, Thailand (IFIC) melantik Universiti Pertanian Malaysia (UPM) mewakili negara ini sebagai ahli rangkaian simenfero Asia.

Pengerusi Seminar Simenfero Kebangsaan, Encik Ahmad Jusoh berkata, sebagai ahli ditugaskan mengumpul dan menyebarkan maklumat dan menerbitkan majalah untuk kegunaan masyarakat tempatan.

Di samping itu, ditugaskan mencari kumpulan terabit terutama penduduk luar bandar dan industri tempatan supaya mereka dapat menggunakan bahan binaan simenfero.

Menurutnya, simenfero adalah bahan binaan yang direka sesuai untuk membuat tangki air, sampan dan struktur taman rekreasi dengan kos yang rendah.

Sebagai ahli Rangkaian Simenfero juga bertanggungjawab menganjurkan kursus dan

melantik juruteknik di pusat penerangan simenfero di Bangkok dari masa ke semasa.

Dalam ucapannya di seminar anjuran Fakulti Kejuruteraan UPM, beliau berkata, pihaknya sudah memperkenalkan teknologi ini kepada masyarakat luar bandar.

Antara projek yang sudah dijalankan ialah membina surau simenfero di Bangi, membina sampan untuk projek ternakan ikan di Hulu Selangor, dan tangki air di Tumbuk Darat, Selangor.

"Walaupun projek itu hanya tertumpu di Selangor dan Negeri Sembilan tetapi kami bercadang meluaskan penggunaan simenfero ke negeri lain yang berminat," tambahnya.

Kerajaan Sarawak umpamanya, melalui Menteri Pembangunan Dan Perindustrian, Abang Abdul Rahman Johari Tun Abang Haji Openg bersetuju menggunakan simenfero bagi membangunkan masyarakat luar bandar

dari muka 3

kan sekiranya negara Afghanistan berada di bawah takluk Rusia.

Selama sebelas tahun mereka di bawah cengkaman Rusia, Mujahiddin tidak pernah mengenal penat lelah dan jemu menentang kekejaman dan kini akhirnya mereka telah berjaya menumbangkan satu kuasa besar dunia.

Sementara itu Dr. Amanyar menasihatkan umat Islam di Malaysia khususnya Muslimin di UPM agar lebih bertenaga dalam memperjuangkan syiar Islam sebelum ada unsur-unsur lain datang mengambil kesempatan.

Manakala Dr. Mohd. Nor Manuty berkata, umat Islam hendaklah mengambil iktibar dari peristiwa perjuangan Mujahiddin yang melihat kejatuhan Rusia di tangan negara kecil.

Katanya lagi, dunia pada hari ini telah memperlihatkan banyak fahaman-fahaman atau isme-isme yang ada telah runtuh satu-persatu dan beliau mengambil contoh fenomena yang berlaku di India, China

dan keruntuhan Tembuk Berlin.

"Umat Islam seharusnya mengambil kesempatan ini untuk bersama-sama berjuang dan menyebarkan syiar Islam," tegasnya.

Naib Presiden ABIM berkata umat Islam sebenarnya hipokrit kepada Allah dan beliau mengambil contoh terdapatnya umat Islam yang kaya tetapi enggan menolong Islam yang miskin tetapi sebaliknya membantu orang-orang bukan Islam.

Menurutnya, hari ini terdapat hampir 800 bilion umat Islam tetapi amat menyedihkan kerana umat Islam jadi seperti buih yang dibawa arus laut.

Keadaan ini berlaku disebabkan umat Islam lebih cintakan dunia dari mencintai Allah.

Beliau juga sempat menjelaskan mengenai kutipan derma Pemulihan Negara Afghanistan yang berjumlah lebih sejuta ringgit kini telah pun berada di negara Afghanistan dan beliau menafikan akan terdapatnya penyelewengan dalam menggunakan wang tersebut.

KEJOHANAN SUKAN ANTARA UNIVERSITI

UPM PULANG DENGAN KEMENANGAN

PADA 15-16 Disember 1989, Kejohanan Sukan Antara Universiti Peringkat Pertama telah diadakan di Universiti Sains Malaysia (USM). Kejohanan yang melibatkan 6 buah universiti dan sebuah Institusi Pengajian Tinggi di negara ini telah membuktikan kehebatan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) di lapangan sukan khususnya.

Sebanyak dua belas acara telah dipertandingkan. Dengan kesungguhan para pegawai dan peserta sukan tersebut, semua pasukan UPM berjaya melayakkan diri ke peringkat separuh akhir kecuali bola keranjang. Manakala renang pula dikategorikan dalam acara individu. Bahagian bola keranjang wanita, ia dijangka secara liga.

UPM telah keluar sebagai johan dalam lima acara dan naib johan dalam dua acara (yang dipertandingkan secara berpasukan).

Kedudukan	Johan	Naib Johan
USM	5 acara	3 acara
UPM	5 acara	2 acara
UM	1 acara	2 acara
UKM	1 acara	1 acara
UKM	1 acara	1 acara
ITM	—	2 acara
UUM	—	1 acara
UTM	—	1 acara
	12 acara	12 acara

UPM mendapat perhatian umum kerana empat dari lima acara yang dimenangi adalah merupakan *major games*, iaitu bola sepak, bola jaring, tenis

lelaki dan hoki lelaki.

Peringkat kedua kejohanan ini telah berlangsung pada 8 hingga 11 Januari 1990 di Universiti Malaya (UM). Kontin-

jen UPM turut memberikan saingan yang sungguh hebat dalam 11 acara yang dipertandingkan.

Empat pasukan dari UPM yang merupakan pencabar-pencabar utama dalam acara tersebut telah berjaya menjadi johan di dalam permainan-permainan yang menjadi tumpuan para peminat sukan iaitu ragbi, bola tampar (wanita), dan softball (lelaki dan wanita). Manakala pasukan squash lelaki dan pingpong (wanita) UPM telah keluar sebagai naib johan.

Berikut adalah keputusan penuh bagi kejohanan sukan antara universiti bagi Peringkat Pertama (1).

(KEJOHANAN TREK DAN PADANG) MASUM KE-6

ATLIT UPM TUNJUK KEMAMPUAN

Atlit-atlit dari Universiti Pertanian Malaysia (UPM) telah berjaya mencipta nama dalam Temasya Olahraga dan Kejohanan Trek dan Padang Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang berlangsung pada 15 hingga 16 Disember 1989 dan 8 hingga 12 Januari 1990.

Dalam kejohanan yang berlangsung dalam dua peringkat itu kontinjen UPM keluar sebagai johan keseluruhan dengan memungut 18 daripada 38 pingat emas yang dipertandingkan dalam kejohanan tersebut.

Pasukan UPM yang terdiri dari 42 atlit lelaki dan wanita telah menunjukkan persembahan yang cemerlang untuk mendahului universiti-universiti tempatan yang lain.

Atlit kebanggaan UPM, Yazid Imran yang juga menang pingat gangsa sukan SEA-15, sekali lagi mengharumkan nama universiti ini dengan memperbaharui dua rekod sekaligus dalam acara rejam lembing. Beliau memecahkan rekod MASUM dan rekod Sukan Antara Universiti Asean dengan rejaman sejauh 61.18m.

Sementara itu, atlit wanita UPM, dan juga pelari jarak jauh negara, P. Jayanti telah memungut tiga pingat emas dalam acara kegemarannya iaitu 800m, 1500m dan 3000m.

Dengan kemenangan yang sungguh memberangsangkan ini, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada pihak universiti ini khususnya Timbalan Naib Canselor (HEP) yang selalu memberi sokongan, galakan dan memberi perhatian kepada rancangan-rancangan serta kegiatan sukan pelajar-pelajar universiti ini ke arah mencipta kecemerlangan.

Penghargaan patut diberikan kepada semua Ahli-ahli Majlis Sukan Pelajar, para pegawai sukan, jurulatih dan pemain-pemain serta pasukan-pasukan yang mengambil bahagian di atas usaha-usaha, pengorbanan, semangat kesukanan yang tulen. Mereka serta sanggup menjalani latihan di samping mempunyai keazaman yang tinggi ketika menyertai temasya sukan tersebut.

Pungutan pingat Temasya Olahraga MASUM.

Pasukan	Emas	Perak	Gangsa
UPM	18	13	6
USM	10	10	9
UKM	6	2	6
UM	2	4	2
ITM	1	6	5
UTM	1	2	6
UUM	—	1	3

CHOICE TEAM JUARA DARULNAIM

Pasukan pilihan (choice team) Kolej Pendita Za'ba berjaya menjuarai kejohanan bola sepak tujuh sebelah Darulnaim setelah menewaskan pasukan 400 FC (KK-4), 1-0, di padang E, pada 14 Januari lalu.

Dalam perlawanan akhir yang berkesudahan seri 0-0, kedua-dua pasukan terpaksa bermain dalam masa tambahan bagi penentuan juara.

Persembahan cemerlang yang ditunjukkan oleh kesemua pemain choice team akhirnya membuahkan hasil apabila berjaya menjaringkan gol tinggal di saat-saat akhir masa tambahan, membenamkan harapan 400 FC.

Choice team yang dianggotai oleh pelajar-pelajar Darul-

naim Kolej Pendita Za'ba berjaya menempuh laluan yang mudah pada setiap pusingan untuk meneruskan permainan hingga ke peringkat akhir tanpa kekalahan, dalam kejohanan yang diadakan sehari itu.

Kejohanan Bola Sepak Darulnaim adalah anjuran pelajar-pelajar Darulnaim yang diadakan pada tiap-tiap sesi pengajian yang biasanya pada pertengahan semester Disember.

Juara bertahan kejohanan ini, Kolej Kediaman Cikgu Rashid kenali sebagai pasukan favourite untuk menjuarai kejohanan ini, terkeluar dari kejohanan ini di pusingan separuh akhir, selepas dikalahkan oleh pasukan 400 FC dengan gol 2-1.

SISWI KOLEJ TUN PERAK BERBAHAS

SATU pertandingan bahas yang bertajuk 'Wanita bekerja makan gaji menimbulkan masalah kepada diri dan persekitaran' telah diadakan di Dewan Makan Kolej Tun Perak sempena Hari Siswi Keempat Kolej tersebut pada 3 Januari yang lalu.

Perbahasan yang bertujuan menggilap bakat yang telah tersedia ada telah berjaya menonjolkan pemedato-pemedato yang cekap berhujah.

Pertandingan di antara siswi-siswi Kolej Tun Perak ini telah dimenangi oleh pihak pembangkang yang terdiri dari Susan Thomas, Azarina Asmani bt. Shariff dan Noorhayati bt. Md. Salleh; manakala pihak pencadang pula terdiri dari Ruhaini bt. Zawawi, Vijaya Lekshmi Kasinathan dan Wan Norazizah bt. Wan

Derahman.

Para juri adalah terdiri dari Encik Rashid Abdullah Fellow blok Jebat, Puan Normah Abdullah dari Jabatan Bahasa dan Cik Azizan bt. Abdullah.

Susan Thomas pula telah dipilih sebagai pemedato terbaik.

Beliau telah menunjukkan gaya penyampaian yang berkesan dan susunan bahasa yang baik lagi menarik.

Kebolehan beliau menggunakan sebutan baku juga telah menarik minat penonton, walaupun terdapat beberapa kesilapan di dalam sebutannya.

Setiap peserta telah cuba menunjukkan kepintaran masing-masing menyampaikan hujah.

Contohnya Ruhaini bt. Zawawi ketua pihak pencadang

telah menunjukkan satu kebolehan berpidato yang amat memberangsangkan.

Beliau berupaya membidas hujah-hujah pihak pembangkang dengan idea yang spontan dan menggunakan gaya bahasa yang menarik.

Jika dilihat dari segi perseidanaan kedua-dua pihak penca-

dang dan pembangkang telah mengadakan persiapan yang rapi dengan adanya carta-carta dan rajah-rajah yang digunakan ketika berhujah.

Puan Normah Abdullah, ketua juri berkata, pada keseluruhannya semua pembahas telah mencapai satu tahap yang canggih dan anggun.

Zamaruddin bin Beran

KELAB AKHBAR MAHASISWA UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

Penaung:

Y.Bhg. Prof. Dr. Sulaiman B. Hj. Mohd. Yassin
Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar) UPM.

Penasihat:

Tuan Haji Yusof Ahmad
Timbalan Pendaftar

En. Yahaya B. Salim
Ketua Penolong Pendaftar HEP

Tuan Haji Afifi Haji Ahmad
Penyunting Kanan

En. Rashid B. Abdullah
Penolong Pendaftar HEP

Pengerusi:

Mat Nayan Dris

Setiausaha:

Shukur Salmo

Bendahari:

Norhanida Noordin Merican

Ahli-ahli:

Hamidon Hussein
Wan Aida Wan Hassan
Rohana Mohamed Yusof
Nor'azuwa Mohd. Pahri
Normala Alwi
Mazlah Awang
Masni Mustafa
Sapura Mohd. Suhaimi
Anisah Ibrahim
Amir Hamzah Abd. Samad
Ahmed Jusoh
Muhammad Zawawi Yusof
Husain Osman
Hasani Hassan
Bakhari Ariff
Azizulazrin Mohamad
Mohd. Razali Mohammad
Mohd. Roslan Ismail
Raha Raus
Zain Ariff

Pengarah aktiviti:

Zamaruddin Beran

dari muka 12

Sahli: Pertama bagi mereka yang mempunyai bakat dalam bidang pidato supaya teruskan usaha untuk mencapai kejayaan dan apa juga bidang yang diceburi kerana ia dapat memperkembangkan bakat yang ada pada diri seseorang itu supaya dapat melatih dirinya berhadapan dengan masyarakat, serta lebih mengetahui teknik-teknik komunikasi yang baik. Ini penting bagi seseorang graduan.

WAS: Apakah pandangan saudara kepada mereka yang mempunyai bakat tapi tidak menggunakannya?

Sahli: Saya harap mereka cuba mengubah sikap dan rebutlah peluang-peluang di universiti kerana ia amat penting untuk kegunaan informal dan seterusnya dapat melatih diri mereka. Saya rasa kalau bakat yang ada disia-siakan maka sia-sialah segala anugerah Tuhan Yang Esa yakni Allah kepada mereka kerana ia tidak digunakan dengan betul. Selain itu kita dapat menimba pengalaman daripada bakat yang ada kerana ini bukanlah ada pada setiap orang.

WAS: Saya difahamkan bahawa semester ini merupakan semester akhir bagi saudara. Apakah perasaan saudara?

Sahli: Petama saya gembira dapat menamatkan pengajian dengan tidak ada aral yang melintang untuk menghalang

saya hingga ke penghujungnya. Kedua saya sedih meninggalkan UPM di mana ia banyak mengajar saya erti perjuangan dan mengajar saya menjadi tabah serta berani. Sesungguhnya UPM adalah suatu memori yang indah bagi saya.

WAS: Apakah cita-cita saudara di masa hadapan?

Sahli: Pertama sekali saya ingin membantu kedua orang tua saya dan jika saya berupaya maka saya ingin membantu masyarakat dari setiap segi jika termampu oleh saya. Selain mencapai kejayaan diri saya sendiri. Kalau berpeluang saya ingin meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

WAS: Akhir sekali bolehkah saudara beri sedikit pandangan terhadap akhbar Mahasiswa yang akan dikeluarkan nanti?

Sahli: Saya merasa bangga dan itu merupakan suatu langkah yang positif dan patut dipuji dan ia merupakan julung-julung kali ia dikeluarkan sedangkan banyak universiti lain yang telah mendahului kita. Ia juga dapat menghubungkan para pelajar dengan pihak pentadbir. Akhir sekali saya berdoa ke hadrat Allah agar usaha ini mencapai kejayaan dan mendapat sokongan daripada semua pihak di UPM ini.